



USTAZ  
HASRIZAL  
ABDUL  
JAMIL

www.satuIslam.com



Nama Buku:  
Makna Diri  
Penulis:  
Ustaz Hasrizal Abdul  
Jamil  
Harga: RM25.00  
Halaman: 432 muka surat

# Tragedi Emosi Krismas

**U**staz, apa hukumnya saya beli patung Santa Claus? seorang pelajar bertanya selepas saya menghabiskan kuliah Hadis 40 malam itu. Clinical Science Institute, NUI Galway, makmur dengan kehadiran pelajar perubatan yang suka belajar agama.

"Err, kenapa awak nak beli patung tu?" saya menyoal kembali.

"Alaa, cutelah ustaz. Rasa sayangnya kalau tak beli. Murah-murah pula tu" jawab beliau.

"Emm, saya rasa kita letak tepi sekejap bab hukum tu. Cuma bayangkan begini. Katakanlah Rasulullah s.a.w datang ziarah ke rumah awak. Masa baginda duduk di ruang tamu, awak nak letak tak patung Santa Claus tu di situ? Atau awak nak sembunyikan?" saya mencuba "rawatan" alternatif.

Pelajar yang bertanya, dan rakan-rakan yang lain ketawa.

"Hah, nak beli lagi ke?" sergah Masri kepada pelajar tersebut.

"Deripada ah-Nawwas bin Sam'aan ra, Nabi s.a.w telah bersabda: *Keabajkan pula adalah pada keelokan akhirak. Manakala dosa kejahatan pula adalah apa yang mendatangkan resah pada dirimu, dan engkau tidak suka manusia lain melihat atau mengetahuinya.*" (Hadis Riwayat Muslim)

Ya, tak usahlah jauh sangat mencari hukum. Panduan Rasulullah s.a.w itu pun sudah memadai. Kalau sesuatu yang mahu kita lakukan itu mendatangkan resah kepada diri, dan

kalau boleh jangan ada sesiapa pun yang tahu. Insha-Alah, dosa jualan namanya perbuatan itu.

**Disember di Barat**

Sepi pada pagi Krismas di Belfast, boleh membunuh insan yang hidup dalam putus asa

Berada di Ireland pada bulan Disember, menjadikan kita keliru. Sambutan Krismas bukan sembarangan. Kalau di Belfast, Galway dan Dublin, seawal 1 Disember, jalan-jalan utama sudah cantik dihias. Jualan murah di semua pasar raya. Santa Claus dan rusa-rusanya berada di mana-mana. Siapa yang tidak teruja?

Semuanya Krismas. Santa Claus, hadiah, membeli belah dan kad kredit!

Tetapi saya tidak rasa ada iman di sebalik perayaan Krismas. Tidak ada unsur-unsur yang mengajak penganut Kristian, baik katolik mahu pun Protestan, untuk mendekatkan diri

kepada 'tuhan' mereka, kepada Jesus Christ. Krismas adalah pesta, kegembiraan dan keseronokan, serta kelegawaan dan kemurungan untuk homeless community.

Erti Krismas bagi orang Kristian, adalah terlalu jauh dari Tuhan, Isa dan Bible. Unsur pesta dan kewajipan berkumpul bersama keluarga, memdominasi suasana yang menyelubungi Krismas. Kerana itulah, Sheikh Abd Rahim Green semasa berprogram di Masjid Dublin, kecewa dengan sikap umat Islam yang sibuk mahu mengucapkan Happy Christmas kepada orang Kristian.

Kamu tahu apa ertinya ia kepada kami, para revert yang dahulu Kristian kini Islam? Apabila kamu mengucapkan Happy Christmas kepada mereka, yang kami dengar hanyalah Happy Kufur; Happy Syirik! kata beliau.

Haيران ana, kalau kat Malaysia orang muda penuh berkumpul di stesen

bas dan kereta api untuk balik kampung. Tapi di sini, orang tua-tua pula yang penuh di stesen untuk ke rumah anak-anak" saya mengadu kepada Nasree, rakan serumah di London.

Aduan disebabkan kaget dengan pemandangan orang tua-tua beratur menaiki kereta api di stesen Paddington menuju ke barat England.

"Biasa la ustaz. Londoners la katakani!" jawabnya sambil tersenyum.

Pemandangan di Heathrow juga tidak banyak berbeza. Ibu bapa mendamba diri ke rumah anak-anak. Krismas juga menjadi hari derita bagi mereka yang tidak berkeluarga. Kadang-kadang saya sedih melihat keadaan diri mereka yang merayu dan merempat di lorong-lorong Belfast. Tidur entah ke mana, makan tidak tahu centu. Kebanyakan melepaskan masalah hidup dengan ketagihan. Ketagih arak, atau dadah, atau seks... entalah.

## Krismas dan Raya


Kadang-kadang saya terfikir, nasib Krismas dan Hari Raya tidak banyak berbeza. Kedua-duanya ditunggu oleh penganut agama masing-masing, tetapi bukan untuk membesarkan Tuhan. Krismas dan Hari Raya hanyalah sebuah pesta tahunan. Krismas dan Hari Raya adalah hari syahdu bukan pada muhasabah diri yang berdos atau peribahian dengan Ramadan yang meragut hari-hari keampunan. Krismas dan Hari Raya hanyalah hari rindu warga kota menebus dosa meninggalkan kekeluargaan dan persaudaraan selama ini.

Tangisan bukan tangisan iman. Senyum ketawa tiada kena mengena dengan Tuhan. Sama ada Kristian dengan Krismasnya, atau Muslim dengan Hari Rayanya, agama sudah diadatkan.

Saya juga pelik melihat warga kota juga menyibukkan diri dengan Krismas.


Erti Krismas bagi orang Kristian, adalah terlalu jauh dari Tuhan, Isa dan Bible. Unsur pesta dan kewajipan berkumpul bersama keluarga, memdominasi suasana yang menyelubungi Krismas. Kerana itulah, Sheikh Abd Rahim Green semasa berceramah di Masjid Dublin, kecewa dengan sikap umat Islam yang sibuk mahu mengucapkan Happy Christmas kepada orang Kristian.

Namun ramai golongan homeless yang membunuh diri pada musim Krismas. Christmas Carol yang didendangkan, seperti irama yang membunuh jiwa. Mereka tiada keluarga untuk dituju. Sepi dan keserongan menghabiskan sisa-sisa hidup yang tiada makna. Perasaan mereka mungkin seperti perasaan sesetengah kita ketika mendengar Takbir di Hari Raya. Sedih... dengan kesedihan yang tidak datang daripada iman.



Psychology - Counseling

pg: 50 - 52



Wajah 'kita' bertopi Santa, mata kecil Timur ber'ho ho'. Apa yang diimport ke masyarakat kita sempena Krismas, bukanlah kesedaran untuk menghayati agama, tetapi kemiskinan jati diri warga kita yang terikut untuk menjadi Barat.

#### Bahaya Bebas dari Agama

Inilah hasil didikan Barat, seperti yang dimahukan oleh Thomas Babington Macaulay, pegawai pendidikan British yang merangka sistem pendidikan untuk negara-negara jajahan seperti India. Apa yang beliau mahukan ialah "Indian in blood and colour, with English in taste".

Di Malaysia, ada juga di antara masyarakat kita yang mempunyai selera pemikiran dan perasaan Barat. Sama ada mem'perang'kan rambut atau tidak, tidak pernah diterima sebagai Barat oleh Barat. Hanya mereka sahaja yang terialu sukakan barat. Seolah-olah malu dirujuk sebagai Timur, sebagai Islam.

Malah saya fikir, keghairahan segelintir orang Malaysia hari ini untuk meninggalkan Islam dan beralih kepada agama Kristian, bukanlah kerana yakin dan penuh iman kepada syariat Bible. Tetapi gejala murtad yang berlaku

**Inilah hasil didikan Barat, seperti yang dimahukan oleh Thomas Babington Macaulay, pegawai pendidikan British yang merangka sistem pendidikan untuk negara-negara jajahan seperti India. Apa yang beliau mahukan ialah "Indian in blood and colour, with English in taste".**

adalah berpunca daripada usaha melepaskan diri daripada ikatan agama, agar tidak dihukum dosa ketika menjamah arak dan zina. Mengapa? Kerana agama Kristian disayyahkan sebagai agama accommodative yang menawarkan pengampunan, yang memberikan 'harapan'. Sedangkan pelaku dosa itu, misalnya penzina, di mata Islam, adalah sasaran lontaran rejam batu dan sebatan.

Pada saya, gejala murtad dan pesta Krismas, adalah rentetan pseudo-

religion dan bukannya agama sebenar. Gejala Muslim murtad adalah gelombang pemergian kelompok ini kepada pseudo-religion. Ia tidak meninggalkan syiar Kristian, tetapi hari ini alasan untuk bebas daripada agama dia Tuhan.

Sikap segelintirnya hanya melahirkan hamba hiburan dan pesta. Orang-orangnya mahu memalsukan semua agama daripada soal iman dan pencarian terhadap hakikat kebenaran kepada adat resam dan budaya semit mata, adat resam yang tiada kena mengena dengan Timur, tiada kena mengena dengan Islam. Daripada Abu Sa'eed al-Khudri ra bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: "Sesungguhnya kami akan menurut langkah orang terdahulu daripada kamu sejangkal demi sejangkal, sehasta demi sehasta. Sehinggalah bila mereka masuk luba biawak sekali pun kamu turut menurutnya. Para sahabat bertanya Adakah yang dituruti itu Yahudi dan Nasrani? Rasulullah lantas menjawab siapa lagi kalau tidak mereka itu." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Inilah bebas derita, berfikir tentu agama manusia di akhir zaman. 1